

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AKU 303 - Sistem Maklumat Pengurusan

Tarikh : 3 November 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Pilih LIMA istilah-istilah daripada Bahagian A dan terangkan apa yang anda fahami tentangnya serta berikan contoh yang sesuai. Jawab ENAM soalan sahaja daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. LAN
2. Fail Data Elektronik
3. Lembaran Kerja
4. Organisasi Fail Berhierarki
5. Siasatan Sistem
6. Rangkaian Luaran
7. Keserasian
8. Penunjuk

(10 markah)

BAHAGIAN B

1. Apakah peranan-peranan pakarunding dalam sesuatu penyiasatan sistem dan terangkan kenapakah pekerja-pekerja kadang-kalanya tidak melibatkan diri dan tidak bekerjasama sepenuhnya semasa siasatan sistem dilakukan.
(15 markah)
2. Berdasarkan kepada apa yang dipelajari dan pengetahuan anda tentang sistem pangkalan data, terangkan bagaimana pengkalan data boleh menukar cara-cara pengurus menjalankan aktiviti-aktivitinya.
(15 markah)
3. Bagaimanakah satu sistem rangkaian menyeimbangkan beban tugas di antara komputer-komputer di dalam sistem tersebut?
(15 markah)
4. Pakar mikrokomputer di dalam sesebuah organisasi lebih baik menjadi seorang pengurus dari menjadi kakitangan teknikal. Apakah pandapat anda? Huraikan.
(15 markah)
5. Apakah kriteria yang perlu dipertimbangkan semasa memilih bahasa pengaturcaraan yang akan digunakan untuk sesuatu aplikasi?
(15 markah)
6. Huraikan serba ringkas tentang sejarah pembangunan industri teknologi maklumat.
(15 markah)
7. Bincangkan kesukaran yang akan dihadapi dalam menyediakan lapuran-lapuran yang berikut jika sistem komputer tidak digunakan:
 - (a) Lapuran semasa
 - (b) Lapuran khas
 - (c) Lapuran kecualian
(15 markah)

[AKU 303]

- 8. Huraikan bagaimana sistem pangkalan data berbeza dari sistem fail lazim.

(15 markah)

--oooo000oooo--